

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 OKTOBER 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 13

## Yayasan JCorp sedia RM850,000 taja pelajar miskin

### Yayasan JCorp sedia RM850,000 taja pelajar miskin

**JOHOR BAHRU** – Yayasan Johor Corporation (Yayasan JCorp) memperuntukkan sejumlah RM850,000 bagi membiaya lapan pelajar cemerlang melanjutkan pengajian dalam bidang perakaunan profesional ACCA.

Menurut Pengerusi Yayasan JCorp, Rozaini Mohd. Sani, pembiayaan pendidikan yang ditawarkan ini difokuskan kepada golongan asnaf dan B40.

“Objektif pelaksanaan pembiayaan ini bagi membantu meringankan bebanan dan tanggungan keluarga kurang berkemampuan untuk anak mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi yang mempunyai



**ROZAINI (tengah) bersama pelajar yang menerima tajaan pendidikan Yayasan JCorp di Johor Bahru semalam.**

kebolehpasaran dalam industri. Ia bagi membela nasib pe-

jar daripada keluarga berpendapatan rendah meneruskan

pengajian ke peringkat profesional tanpa sebarang kesulitan

di samping memberi dorongan memperoleh keputusan akademik yang cemerlang,” katanya.

Bantuan pendidikan yang dibiayai melalui sumbangan zakat Kumpulan JCorp turut mendapat kerjasama Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC) menerusi pertukaran perjanjian kerjasama bagi penajaan pendidikan ACCA.

Seramai lapan pelajar terdiri daripada lima lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan tiga lepasan Ijazah Perakaunan yang dipilih telah melalui proses penilaian dan fasa temu duga sebelum ditempatkan di Professional Accountancy Centre.